



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026 yang mengandungi perbelanjaan mengurus dan pembangunan demi menjayakan program, aktiviti dan projek untuk bangsa dan negara.

Kemeruapan dan tantangan dunia dijangka semakin menyengat pada tahun 2026. Badi tarif timbal balik menggugat pertumbuhan, manakala rancangan struktural berpotensi mengubah pencaturan tatanan global, sekaligus menaikkan suhu geopolitik yang kian hangat.

Belanjawan 2026 dihipkan dengan harapan agar kita senegara dapat merangkul segala kudrat yang ada untuk melindungi pertiwi daripada keberentakan di luar. Sebagai Belanjawan MADANI keempat, ia mengasah disiplin kita untuk berpijak teguh di landasan reformasi, membina daya tahan menghadapi masa hadapan yang sarat kemeruapan. Menjunjung wawasan Kerangka Ekonomi MADANI, Belanjawan ini membawa kita selangkah lagi ke hadapan untuk mengecapi aspirasi Menaikkan Siling potensi pertumbuhan negara dan Menaikkan Lantai taraf hidup rakyat — dengan menzahirkan keperluan Memacu Pembaharuan, khususnya dalam memperkukuh tatakelola negara.

Belanjawan 2026 juga menjadi mukadimah kepada usaha melakar semula pembangunan negara seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada wawasan yang mengangkat hala tuju negara daripada fasa reformasi kepada transformasi, yakni meningkatkan nilai tambah, memantapkan kecekapan, dan memperhebatkan daya tarikan pelaburan.

Langkah ini dibina atas nilai MADANI yang menekankan pembangunan terangkum dan keadilan sosial. Ia meneruskan kesinambungan dasar utama seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS). Belanjawan ini juga mengangkat Tahun Melawat Malaysia 2026 sebagai pemangkin sektor pelancongan dan perkhidmatan negara. Berteraskan kebhinekaan budaya yang mewarnai masyarakat Malaysia serta khazanah alam semula jadi yang kaya, Kerajaan MADANI beriltizam menjadikan Malaysia destinasi pelancongan yang disegani di pentas dunia.

Segala kudrat dan iltizam rakyat adalah tenaga penggerak reformasi. Maka wajarlah Kerajaan turut mendengar suara dan rintihan mereka sebagai pedoman dalam merangka Belanjawan 2026. Justeru, Kerajaan MADANI telah mengadakan siri jelajah, sesi libat urus, dan menyediakan Portal Cadangan Belanjawan untuk menghimpunkan pandangan daripada segenap lapisan — daripada industri, akademik, agama dan NGO, hinggalah penjawat awam dan rakyat jelata. Kerajaan merakamkan penghargaan setinggi-tingginya atas sumbangan tersebut.

Belanjawan 2026 mencerminkan tekad Kerajaan MADANI untuk membawa Malaysia terus melangkah ke hadapan di tengah ketidakpastian global. Segala perancangan ini hanya bermakna jika dilaksanakan dengan amanah dan kesungguhan oleh setiap penjawat awam — demi kesejahteraan rakyat dan kemuliaan negara. Insya-Allah.

ANWAR IBRAHIM

10 Oktober 2025